

25/04/2002

China tentang kuasa besar cuba buli negara kecil

Zainab Mohd Yatim

KUALA LUMPUR, Rabu - Naib Presiden China, Hu Jintao hari ini memberi amaran bahawa negaranya akan menentang sebarang cubaan mana-mana kuasa besar untuk membuli negara lemah.

Sambil memberi jaminan China akan sentiasa mengamalkan dasar luar yang bebas dan berkecuali, Hu yang jarang muncul di pentas antarabangsa, menegaskan: "China melihat semua negara sebagai sama, tanpa mengira sama ada ia besar atau kecil."

Hu yang disifatkan calon yang bakal mengambil alih pemerintahan negara paling ramai penduduk di dunia itu, menggantikan Presiden Jiang Zemin, berkata:

"China membantah yang kuat memperkudakan yang lemah dan yang besar membuli yang kecil.

"Sejak dulu lagi, China sudah berikrar untuk tidak mengembangkan pengaruhnya dalam hal-ehwal asing, menyertai sebarang blok ketenteraan atau memperluaskan cengkamannya.

"(Sebaliknya), kami akan sentiasa berusaha memperkukuh hubungan kejiwaan yang baik dengan rakan serta kerjasama dengan negara di sekeliling sebagai sebahagian daripada dasar luar kami," katanya ketika berucap pada majlis khas anjuran Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (Asli) di sini.

Walaupun China sebelum ini sudah beberapa kali membantah tindakan Amerika Syarikat mengenakan cengkamannya dalam pelbagai isu sejangat, Hu dalam ucapannya tidak membuat sebarang rujukan spesifik tetapi berkata:

"Negara besar harus menghormati kepentingan negara kecil dan sederhana di Asia. Mereka (negara kecil) harus dilayan secara saksama dan berusaha ke arah kestabilan serta kemakmuran Asia."

Beliau berada di sini dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Malaysia bermula semalam. Hari ini, beliau turut mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan melawat Menara Berkembar Petronas.

Jumaat ini, Hu dan delegasinya akan berlepas ke Singapura sebelum meneruskan lawatan rasmi seminggu ke Amerika Syarikat. Beliau dijadual mengadakan pertemuan dengan Presiden George W Bush.

Hu berkata, kewujudan China sebagai antara kuasa ekonomi utama di dunia juga seharusnya dilihat sebagai sesuatu yang positif oleh negara Asia lain.

"Sejarah berulang dan akan terus membuktikan bahawa China sebagai kuasa yang kuat secara ekonomi dan memastikan kestabilan di Asia,

"Pembangunan China sukar dicapai tanpa Asia, begitu juga dengan kemakmuran Asia sukar dicapai tanpa China," katanya.

Sehubungan itu, katanya, apa yang penting kini ialah negara membangun tidak perlu bersaing antara satu sama lain, tetapi menghadapi cabaran mendatang menerusi kerjasama yang lebih erat.

Hu turut menyifatkan Asia sebagai benua yang begitu dinamik dengan potensi pertumbuhan yang menggalakkan kerana pada masa ini Asia sudah menyumbang 30 peratus daripada jumlah perdagangan dunia.

"Pencapaian Asia dalam tempoh 50 tahun lalu menjadi pendorong untuk kita terus yakin terhadap masa depan kita. Dalam arus globalisasi, kita mempunyai kapasiti untuk terus mantap dan bertapak kukuh," katanya.

(END)